

21 JUN 1999

Akhbar-Mahathir

AKHBAR UTAMA AUSTRALIA LAPORKAN KEJAYAAN DR MAHATHIR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 21 Jun (Bernama) -- Akhbar-akhbar utama di Australia hari ini memaparkan dengan meluas mengenai kejayaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung UMNO di Kuala Lumpur pada hujung minggu dalam halaman 'berita dunia' mereka.

Laporan-laporan itu menyiarkan penjelasan Dr Mahathir mengenai bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan sebab-sebab kenapa beliau mengambil tindakan yang tegas terhadap Anwar.

Akhbar Herald Sun di bawah tajuk "Anwar under attack by PM" (Anwar dikecam PM), melaporkan bahawa Dr Mahathir menyelar Anwar "dalam usaha untuk melenyapkan sokongan Anwar yang mungkin masih wujud" di dalam UMNO.

Menurut akhbar itu Dr Mahathir dan pemimpin UMNO yang lain mengakui bahawa segelintir anggota parti masih menaruh simpati terhadap Anwar dan enggan menerima pemecatan dan penahanannya.

Akhbar kebangsaan yang berprestij "Australian" pula menyebut bahawa Perdana Menteri dan Anwar menghabiskan hujung minggu "dalam satu pertarungan untuk mempengaruhi hati dan minda rakyat Malaysia".

"Dr Mahathir menarik lebih banyak penonton, menerusi siaran televisyen yang memancarkan ucapannya, manakala "hanya beberapa akhbar (Malaysia) menyiarkan penafian Anwar berhubung dakwaan Dr Mahathir...bahawa bekas timbalan perdana menteri itu tidak setia kepada UMNO," menurut laporan itu.

"The Australian" memetik seorang pegawai kanan UMNO sebagai berkata bahawa ia membuktikan sukarnya untuk melenyapkan sama sekali pengaruh Anwar.

Laporan akhbar The Age yang berpejabat di Melbourne berkata Dr Mahathir telah melancarkan "strategi untuk menyatupadukan UMNO menjelang pilihan raya umum negara itu".

Akhbar itu menyebut bahawa Dr Mahathir menyelar perwatakan dan semangat patriotisme Anwar dan menggambarkannya sebagai boneka bagi kepentingan asing.

Akhbar "Australian Financial Review" pula menyiarkan gambar Dr Wan Azizah Wan Ismail pada pelancaran Parti Keadilan Nasional semalam.

-- BERNAMA

NDC AKD